



Perkampungan Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam 2008



Gambar ramai peserta Perkampungan Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam 2008 bersama Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn. Bhd. telah mengadakan Program Perkampungan Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam 2008 pada 1 hingga 5 Syaaban 1429 / 3 hingga 7 Ogos bertempat di Voctech International House, Seameo Voctech, Jalan Pasar Baru Gadong.

Antara objektif dan tujuan perkampungan adalah memberikan kefahaman berhubung hal-ehwal semasa dalam kerajaan bagi membentuk minda dan iltizam penuntut ke arah melahirkan semangat keprihatinan cintakan raja, bangsa, agama dan negara yang berteraskan falsafah 'Melayu Islam Beraja'.

Di samping itu program ini juga memberikan kefahaman dan maklumat terkini mengenai hal-ehwal negara dan kerajaan serta sektor swasta dan memberikan ruang untuk berbincang dan memahami keperluan semasa bagi kemajuan bangsa dan negara dalam pelbagai bidang.

Perasmian Perkampungan Sivik telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang berlangsung pada 4 Ogos 2008 di Dewan Pengiran Setia Negara, Jabatan Penerangan.

Antara kegiatan yang diikuti oleh peserta termasuk Sembahyang Fardu Berjemaah, Kuliah Subuh, Sesi Ceramah dan Soal Jawab, Menyusur Mukim, Bengkel Kepimpinan, Majlis Makan Malam dan Ramah Mesra Bersama Pemimpin, Senamrobik dan lain-lain.

Ceramah-ceramah yang disusun dalam perkampungan ini ialah Sistem Pemerintahan dan Struktur Pentadbiran Kerajaan, Sistem Pendidikan Negara [SPN21], Tabung Amanah Pekerja, Bengkel 'Leadership Development', Peranan dan Tanggungjawab Majlis Ugama Islam, Perancangan Kemajuan Jangka Panjang Negara, Adat Istiadat Brunei: Majlis Beradat Istiadat, Perintah Tembakau 2005 dan Peraturan-peraturannya.

Para peserta juga diraikan di Majlis Makan Malam dan Ramah Mesra sumbangan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri.

Seramai 81 orang mahasiswa Negara Brunei Darussalam seberang laut yang sedang bercuti di tanah air mengikuti Program Perkampungan Sivik tahun ini. Mereka merupakan mahasiswa-mahasiswi biasiswa Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn. Bhd.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman telah menyampaikan sijil penyertaan di Majlis Penutup yang berlangsung di Dewan Pengiran Setia Negara, Jabatan Penerangan pada 7 Ogos.

Berita disumbangkan oleh:
Awang Wahid bin Haji Halim
Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan

Sidang Redaksi

Penasihat

Haji Mahrub bin Haji Murni
Haji Yussof bin Haji Ladi

Ketua Pengarang

Hajah Noorashidah Haji Aliomar
Sastra Sarini Haji Julaini

Ahli Sidang Pengarang

Noriah Haji Abdul Hamid
Hajah Noorhijrah Haji Idris
Hajah Zaijanit Haji Noorkhan
Aida Hidup
Hajah Apsah Haji Sahdan

Penyumbang Berita

Ismalee Haji Abdul Rahman
Asnah Diwa
Nor Ajijah Mohammad
Bahagian-bahagian
Cawangan Daerah-daerah

Penyemak

Hajah Norpisah Md Salleh

Penyelaras Online

Haji Ariffin Mohd Noor

Fotografi

Bahagian Fotografi
&
Audio Visual
Bahagian Perhubungan Awam
Bahagian Berita Inggeris
&
Media IT

Sekapur Sirih

PADA setiap bulan, jadual jabatan sentiasa padat dengan aktiviti-aktiviti pemberitaan maklumat yang patut diketahui oleh orang ramai. Kegiatan ini melibatkan ramai warga Penerangan sama ada aktiviti peringkat negara mahupun aktiviti untuk meningkatkan kemajuan dan arah tuju kerjaya masing-masing.

Aktiviti tahunan yang diadakan oleh jabatan pada bulan ini ialah Perkampungan Sivik Mahasiswa Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Seberang Laut yang telah berlangsung selama lima hari. Ini merupakan salah satu usaha jabatan dalam memastikan penuntut-penuntut Negara Brunei Darussalam di luar negeri yang sedang bercuti di tanah air akan mendapat maklumat-maklumat yang terkini mengenai negara sendiri yang boleh dijadikan bekal apabila balik ke tempat pengajian masing-masing.

Pada bulan ini juga jabatan terlibat dalam memberigakan lagi aktiviti Ekspo Produk Halal Antarabangsa 2008 yang dianjurkan oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kesihatan. Jabatan telah diberi kepercayaan untuk membuka Pusat Media bagi membantu media-media yang akan membuat liputan semasa ekspo tersebut. Adanya jaringan kerjasama seperti ini tentunya akan terus dapat mengangkat nama jabatan sebagai sebuah jabatan yang kredible.

Kerjasama di bidang antarabangsa juga giat dilaksanakan di mana serombongan pegawai telah mengikuti Program Pertukaran Pegawai di bawah MoU Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Malaysia di bidang penerangan. Program ini dilihat sebagai suatu kerjasama yang akan dapat meningkatkan pengetahuan sambil melihat, belajar dan memahami perkhidmatan penerangan Malaysia yang boleh dijadikan sebagai panduan dalam melaksanakan kerja seharian. Di waktu yang sama kita juga akan menerima kunjungan Pegawai-pegawai Penerangan dari Malaysia ke jabatan kita di bawah program yang sama. Apa yang penting semua warga berperanan untuk mengalu-alukan ketibaan rombongan dan memperlihatkan gerak kerja Jabatan Penerangan Negara Brunei Darussalam sebagai yang efisien dan berkesan.

Usaha-usaha jabatan mengemaskinikan pendedaran Pelita Brunei diteruskan lagi dengan penyampaian sijil-sijil penghargaan kepada wakil pender di Daerah Tutong. Adalah diharapkan dengan adanya wakil-wakil ini, hasrat jabatan agar Pelita Brunei akan dapat dibaca oleh semua orang akan dapat dicapai.

Kursus Pembinaan Kapasiti Diri dan Kapasiti Organisasi bagi warga Penerangan merupakan suatu inisiatif yang patut dipuji kerana memberikan peluang kepada semua untuk meningkatkan kebolehan diri dan semangat percaya 'aku boleh'. Apa yang diharapkan kursus seperti ini akan terus diadakan dalam usaha jabatan untuk memastikan setiap warganya mendapat peluang untuk meningkatkan kebolehan masing-masing. Di waktu yang sama juga jabatan terus menerima penempatan mahasiswa dari Universiti Brunei Darussalam yang dilihat sebagai suatu penghormatan kerana memilih jabatan sebagai tempat di mana banyak perkara yang boleh dipelajari dan memperolehi sumber rujukan yang rasmi.

Perlaksanaan kerja jabatan alhamdulillah telah berjalan dengan licin dan teratur dan semua ini adalah kerana adanya komitmen yang tinggi oleh semua warga.

Wassalam.

HAJI MAHRUB BIN HAJI MURNI
Pengarah Penerangan

Isi Kandungan

- Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif MoU Brunei Darussalam - Malaysia	
- Mesyuarat JCIM Brunei Darussalam - Malaysia	3
- Kursus Pembinaan Kapasiti Diri dan Kapasiti Organisasi	4
- Para pegawai dan kakitangan berkursus	5
- Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan Pender Pelita Brunei di Daerah Tutong	
- Majlis Khatam Al-Qur'an, Bertahlil dan Doa Arwah Sepejabat	
- Penggunaan Pas Badan Jabatan	6
- Pusat Media IHPE	
- MRO bertugas	7
- Pemenang Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik	
- Selamat Hari Lahir	8

Biskita dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita bahagian masing-masing. Berita berkenaan boleh dihantar terus ke Bahagian Perhubungan Awam atau Bahagian Berita Inggeris dan Media IT.

Berita-berita berkenaan juga boleh dihantar melalui faks 2382 012 atau 2382548.

Atau e-mel terus ke wartapenerangan@gmail.com

Mesyuarat Ke-3 Jawatankuasa Eksekutif Bersama Memorandum Persefahaman Dalam Bidang Penerangan antara Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Malaysia



Para pegawai kanan dan pegawai-pegawai dari kedua buah negara yang menghadiri mesyuarat berkenaan.

Mesyuarat Ke-3 Jawatankuasa Eksekutif Bersama Memorandum Persefahaman Dalam Bidang Penerangan antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Malaysia bermula pada 18 Jun 2008 bertempat di Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat dipengerusikan bersama oleh Awang Haji Mahrub bin Awang Haji Murni, Pemangku Pengarah Penerangan dan Yang Berbahagia Dato Haji Abdullah Morad, Ketua Pengarah Penerangan Malaysia.

Di antara agenda mesyuarat ialah membincangkan mengenai laporan program-program di bawah Memorandum Persefahaman dalam bidang penerangan antara kedua buah negara.

Program-program tersebut termasuk:

- Pertukaran bahan terbitan/pameran;
- Pertukaran akhbar dan penerbitan (Berita dan Fotografi);
- Pertukaran para Pegawai Penerangan dan
- Pertukaran dan penempatan wartawan dan jurugambar.

Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Bersama Memorandum Persefahaman Dalam Bidang Penerangan Antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Malaysia diharapkan akan dapat meningkatkan hubungan kerjasama yang sedia wujud di antara kedua buah negara khususnya di bidang penerangan.

Mesyuarat yang diadakan selama dua hari itu, dihadiri oleh seramai 13 orang delegasi serta lima orang pemerhati dari Jabatan Penerangan Negara Brunei Darussalam dan 10 orang delegasi dari Jabatan Penerangan Malaysia.

Semasa berada di negara ini, delegasi dari Malaysia berkesempatan meninjau lebih dekat bidang tugas dan program kerja Jabatan Penerangan di Negara Brunei Darussalam dan seterusnya membuat lawatan ke Daerah Temburong bagi melihat secara lebih dekat program pembangunan di daerah berkenaan serta kegiatan-kegiatan masyarakat di sana.

Berita-berita di muka surat ini disumbangkan oleh:
Dayang Hajah Hamsah Datu Kerna Haji Jaya
Ketua Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa

Mesyuarat Ke-2 Jawatankuasa Bersama Teknikal Bidang Penerangan (JCIM) antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia

Mesyuarat Ke-2 Jawatankuasa Bersama Teknikal Bidang Penerangan (JCIM) telah diadakan di Bangunan Wisma TV, Angkasapuri Kuala Lumpur, Malaysia pada 2 hingga 3 Ogos yang lalu. Delegasi dari Negara Brunei Darussalam telah diketuai oleh Pengiran Dato Paduka Haji Ismail bin Pengiran Haji Mohamed, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri. Mesyuarat dihadiri oleh seramai 21 orang pegawai dari kedua buah negara. Ikut serta dalam delegasi mesyuarat yang mengandungi seramai 12 orang pegawai dari Negara Brunei Darussalam ialah Awang Haji Mahrub bin Haji Murni, Pengarah Penerangan bersama empat orang Pegawai Penerangan, Jabatan Penerangan.

Mesyuarat Ke-2 Jawatankuasa Bersama Teknikal Bidang Penerangan telah dipengerusikan bersama oleh Yang Berbahagia Dato' Kamaruddin Siaraf, Ketua Setiausaha Kementerian

Penerangan Malaysia dan Pengiran Dato Paduka Haji Ismail bin Pengiran Haji Mohamed, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Di antara tujuan mesyuarat tersebut diadakan ialah untuk mengenal pasti pelbagai bentuk kerjasama dalam bidang penyiaran dan penerangan yang boleh dimanfaatkan oleh kedua-dua buah negara. Kerjasama dalam bidang penerangan yang telah dikenal pasti di mesyuarat tersebut meliputi pertukaran bahan-bahan maklumat dan foto, melaksanakan pameran foto secara bersama dan meneruskan program persembahan pentarama; penerokaan media baru; filem dan video iaitu penawaran judul-judul dokumentari yang sesuai kepada Jabatan Penerangan Negara Brunei Darussalam dalam format VCD/DVD; pertukaran lawatan dan penempatan yang meliputi pertukaran

Pegawai-pegawai Penerangan, wartawan dan jurugambar.

Bersempena dengan mesyuarat tersebut Majlis Penandatanganan Minit Persetujuan Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Teknikal Bidang Penerangan telah diadakan. Hadir bagi menyaksikan penandatanganan tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Berhormat Dato' Ahmad Shabery Cheek, Menteri Penerangan Malaysia. Menandatangani bagi pihak Negara Brunei Darussalam ialah Pengiran Dato Paduka Haji Ismail bin Pengiran Haji Mohamed, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri sementara menandatangani bagi pihak Malaysia ialah Yang Berbahagia Dato' Kamaruddin Siaraf, Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan Malaysia.

Kursus Pembinaan Kapasiti Diri dan Kapasiti Organisasi



Pengarah dan Timbalan Pengarah Penerangan, para pegawai Jabatan Penerangan, RBC, penceramah dan pengendali kursus merakamkan gambar kenangan bersama para peserta.

Jabatan Penerangan telah mengadakan Kursus Pembinaan Kapasiti Diri dan Kapasiti Organisasi bermula pada 25 hingga 27 Ogos.

Kursus selama tiga hari itu berlangsung di Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar di ibu pejabat jabatan, melibatkan seramai 54 pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan dari keempat-empat daerah dan empat orang wakil peserta Royal Brunei Catering Sendirian Berhad (RBC).

Kursus dikendalikan oleh Zol & Company Services, sebuah syarikat tempatan yang mendatangkan seorang penceramah terkenal dari Malaysia, Encik Osman bin Affan.

Majlis pada pagi itu dimulai dengan pendaftaran para peserta dan bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai dipimpin oleh Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Matyassin.

Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Yussof bin Haji Ladi dalam ucapannya ketika merasmikan kursus itu berkata, sifat bersyukur merupakan elemen penting untuk peningkatan kapasiti diri, seterusnya membantu meningkatkan kapasiti organisasi melalui

kaedah yang betul selaras dengan ajaran Islam. Memahami dan menghayati konsep bersyukur akan membantu seseorang individu menjalani kehidupan dengan lebih tenang dan bahagia, menjadikan seseorang lebih komited dan serius dalam menjalankan tugas di tempat kerja.

Majlis perasmian pada 25 Ogos diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Matyassin.

Sepanjang berkursus, para peserta telah dibahagikan kepada enam kumpulan dan didedahkan mengenai teknik pengurusan dan pengendalian, penyelesaian yang berkaitan kecemerlangan diri, organisasi, membina minda kreatif dan inovatif, suasana dan budaya kerja cemerlang, kewangan peribadi, komunikasi di tempat kerja, penyampaian maklumat yang berkesan, menjana keunggulan diri dan organisasi, di samping *tips* yang sangat memberangsangkan oleh penceramah.

Encik Osman turut mengongsikan cara mendidik anak melalui tiga fasa yang sangat berkesan iaitu tujuh tahun pertama dimanjakan, tujuh tahun kedua diberikan didikan yang sempurna dan tujuh tahun ketiga dijadikan sebagai kawan.

Penceramah turut menggariskan sifat-sifat kepimpinan para Rasul iaitu jujur, amanah, bijak dan pandai berkomunikasi yang harus ditiru/dikuti oleh setiap individu Muslim. Turut dikongsikan ialah bagaimana menghapuskan halangan minda (mental block) berdasarkan teknik imaginasi kejayaan yang merangkumi matlamat dan keyakinan melalui teknik pernafasan.

Teknik dan cara penyampaian yang bersahaja, fasih dan lancar melalui penggunaan bahasa yang baik, ditambah dengan personaliti yang ceria, Encik Osman Affan telah berjaya membangkitkan semangat para peserta untuk mangaut seberapa banyak ilmu dan pengalaman yang dicurahkan serta meningkatkan motivasi untuk membina kecemerlangan diri dan organisasi.

Kursus tiga hari itu diakhiri dengan Majlis Penyampaian Sijil oleh Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni kepada para peserta, yang juga berkesudian menyampaikan cenderamata penghargaan kepada penceramah undangan.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi.



Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni menyampaikan cenderamata penghargaan kepada Encik Osman Affan.



Para peserta kursus ketika melakukan aktiviti menguji kecekapan mental.



Pengarah Penerangan menyampaikan sijil kepada Dayang Nuruljannah binti Hassan.

Para pegawai dan kakitangan berkursus pada bulan Ogos

Nama	Kursus	Tempat	Tarikh
Awang Balang bin Galawat Dayang Normah binti Tumar	Microsoft Power Point	Institut Perkhidmatan Awam	4 - 6 ogos
Awang Azman bin Haji Abdul Rahim	Seminar Menjunjung Titah dan Perlaksanaan Dasar (Policy Analysis)	Institut Perkhidmatan Awam	11 - 14 Ogos
Dayang Hajah Apsah binti Haji Sahdan	Microsoft Access	Institut Perkhidmatan Awam	11 - 14 Ogos
Awang Haji Mahmud bin Haji Masri	Leadership Development Programme	Institut Perkhidmatan Awam dan Civil Service College (CSC), Republik Singapura	12 - 21 Ogos
Awang Md. Khairulhadi bin Hj Muhd. Muhtaddir Dayang Hajah Zaianit binti Haji Noorkhan	Multimedia Integration (Program Kerjasama dalam Bidang Penerangan di antara Malaysia & KOMINFO dan Jabatan Penerangan Brunei	Sungai Petani Kedah, Malaysia	14 - 18 Ogos
Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad Dayang Norlia binti Mohamad Zain	Komunikasi Berkesan	Institut Perkhidmatan Awam	25 - 27 Ogos
Dayang Hajah Mariam binti Haji Abdul Rahman Dayang Norhayani binti Abdul Latif Awang Suhaili/Saipol Bahri bin Haji Mat Zin Awang Haji Raya bin Haji Mohd. Tapa Dayang Hajah Norpisah binti Mohamed Salleh Awang Mahmud bin Ibrahim Dayang Hafizatul Atikah binti Abdullah Dayang Fa'ezah Hayati binti Hj Abdul Rahman Dayang Mas'ayu binti PA Haji Abdullah Ak. Mohd. Zainismandy bin Pg. Haji Ismail Awang Haji Roslan bin Haji Mohd. Daud Awang Mohd. Suzawadeen bin Mohd. Zaidi Dk. Nur-Effa Ryina binti Pengiran Haji Hamdani Awang Muhd. Zul-Izzi bin Haji Duraman Dayang Hjh Marhani binti Haji Abdul Rahman Ak. Amirul Nizam bin Pengiran Haji Mohd. Ali Dayang Nuruljannah binti Hassan Dayang Mastinah binti Malik Awang Mohd. Suhud bin Bungsu Dayang Siti Mazfaizura binti Maikal Dayang Ruziah binti Haji Zakeria Awang Asrin bin Mohammad Noor Awang Ismaele bin Haji Abdul Rahman Dayang Nor Ajijah binti Haji Mohammad Dayang Hasnah binti Haji Diwa Dk. Hajah Siti Mewartee binti Pg. Haji Kahar Dayang Faridah binti Haji Kaderi Dayang Norainah binti Ibrahim Awang Haji Masrin bin Baharin Dayang Dona Azfina binti Ibrahim Awang Haji Mohd. Sahrin bin Dosaman Dayang Hjh Umi Kalthum binti Hj Ali Hussien Awang Haji Abdul Mumin bin Haji Madin Awang Haji Jafrey bin Haji Mohd. Hanafiah Awang Omarali bin Zakaria Awang Haji Liman bin Haji Raim @ Rahim Awang Yahya bin Haji Jumat Awang Abu Bakar bin Haji Duraman Awang Safri bin Haji Talip Awang Sharin bin Haji Mohd. Noor/Matnor Awang Saipol Bahrin bin Abdul Rahman Awang Mohd. Abdul Kafi bin Haji Sulaiman Awang Mohd. Zhulaidi bin Muhammad Awang Esa bin Haji Sabli Awang Hassim bin Haji Murah Dayang Julinia binti Mohd. Ali Awang Mohd. Rusli bin Abdullah Awang Anang Idris bin Ramli Awang Mohd. Azhar bin Ramli Dayang Hajah Siti Sarah binti Bakar Ampuan Roza Amalyati binti Ampuan Hussain Awang Brahim bin Mohammad Noor Ampuan Mohd. Daud bin Ampuan Tengah Salina binti Haji Wahab	Pembinaan Kapasiti Diri dan Kapasiti Organisasi	Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar, Jabatan Penerangan	25 - 27 Ogos
Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi	Bengkel Halaqah Fikir/Tadzakur	Institut Perkhidmatan Awam	28 Ogos

Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan wakil pendedar Pelita Brunei di Daerah Tutong

Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan kepada wakil-wakil pendedar Pelita Brunei bagi Daerah Tutong terdiri daripada kedai, syarikat buku, stesen minyak dan agensi kerajaan yang dilantik telah diadakan di Dewan Seri Kenangan, Dewan Kemasyarakatan Tutong pada 28 Ogos.

Ini merupakan inisiatif Jabatan Penerangan bagi mengemaskinikan lagi sistem pendedaran Pelita Brunei melalui Cawangan Jabatan Penerangan daerah tersebut.

Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Yussof bin Haji Ladi hadir selaku Timbalan Pengerusi Majlis dan berkesudian memberikan taklimat mengenai Pelita Brunei. Juga hadir ketua-ketua jabatan kerajaan, penghulu, ketua kampung, para pengetua sekolah menengah Daerah Tutong, pengurus syarikat dan warga Jabatan Penerangan.

Dalam taklimatnya, Awang Haji Yussof telah menyentuh mengenai sejarah perkembangan Pelita Brunei sejak tahun 1956 sehingga hari ini meliputi produksi, perisian termasuk ikon-ikon dalam Pelita

Brunei. Beliau juga menambah, akhbar atau majalah yang pernah diterbitkan di negara ini yang sebilangannya masih bertahan hingga sekarang seperti Borneo Bulletin.



Salah seorang wakil pendedar Pelita Brunei menerima sijil sebagai pendedar.



Timbalan Pengarah ketika menyampaikan taklimat kepada wakil pendedar Pelita Brunei yang hadir.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat telah dibacakan oleh Imam Masjid Hassanul Bolkiah, Awang Saibol Omar bin Haji Yusof.

Sebelum mengakhiri majlis, para hadirin telah berkesempatan menyaksikan Pameran Mini mengenai Pelita Brunei.

Majlis Khatam Al-Qur'an, Bertahlil dan Doa Arwah Sepejabat Tahun 1429H/2008M

Jabatan Penerangan telah mengadakan Majlis Khatam Al-Qur'an, Bertahlil dan Doa Arwah Sepejabat bagi tahun 1429 Hijrah/2008 Masihi pada 28 Ogos.

Majlis tersebut berlangsung di Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar dan tetamu kehormatannya ialah Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni.

Para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan dari keempat-empat buah daerah telah menghadiri majlis ini. Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai dipimpin oleh Pengarah Penerangan.

Bacaan surah-surah khatam dipimpin oleh Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Matyassin, diikuti dengan bacaan takhtim dan seterusnya bertahlil khusus untuk para pegawai dan kakitangan jabatan yang telah kembali ke rahmatullah dan umat Islam amnya.

Doa Khatam dibacakan oleh Awang Azman bin Haji Abdul Rahim, manakala Doa Arwah Sepejabat dipimpin oleh Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Matyassin.

Majlis Khatam Al-Qur'an, Bertahlil dan Doa Arwah Sepejabat diadakan sempena tamatnya Majlis Bertadarus dan Bertahlil yang diadakan setiap hari Khamis di surau jabatan, di samping mengalu-alukan kedatangan bulan Ramadan Al-Mubarak bagi tahun 1429 Hijrah.

Penggunaan Pas Badan Jabatan



Ketua Bahagian Penyelidikan dan Pusat Sumber, Awang Abdul Karim ketika mendapatkan pas beliau dari Awang Haji Ariffin.

Jabatan Penerangan memulakan kembali pemakaian 'Pas Badan Jabatan' bagi setiap pegawai dan kakitangannya di seluruh negara.

Pembahagian pas-pas tersebut bermula pada 7 Ogos dan dikendalikan oleh Bahagian Berita Inggeris dan Media IT.

Dengan adanya pas ini, para pegawai dan kakitangan jabatan adalah dikehendaki untuk memakainya sewaktu bekerja dan sebarang urusan rasmi.

Program Pertukaran Pegawai Di Bawah MoU Brunei Darussalam dan Malaysia Di Bidang Penerangan

Serombongan lima orang pegawai-pegawai dari Jabatan Penerangan telah mengikuti Program Pertukaran Pegawai-Pegawai di Malaysia, salah satu projek yang dirangka Di Bawah Memorandum Persefahaman di Bidang Penyiaran dan Penerangan antara Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Malaysia.

Program telah diadakan mulai 24 hingga 28 ogos. Ini adalah merupakan program pertama dalam siri Pertukaran Pegawai dan telah dihadiri oleh Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar, Dayang Jeniffer Foo Lan Fah, Awang

Rafa'ee bin Ya'akub, Dayang Painah binti Paiman dan Awang Ahmad bin Haji Tahir.

Antara lain program yang telah diikuti ialah mengadakan kunjung hormat kepada Yang Mulia Dr. Rothiah binti Hj Omar, Timbalan Ketua Setiausaha Dasar Kementerian Penerangan Malaysia, Yang Mulia Dato Abdullah Morad, Ketua Pengarah Penerangan; mendengar taklimat mengenai Perkhidmatan Penerangan Malaysia, melawat RTM, Pusat Pelancongan Malaysia dan ke Negeri Sembilan untuk menyaksikan sendiri program Komuniti BESTARI.

Program ini telah memberikan

pendedahan meluas mengenai perkhidmatan Penerangan Malaysia yang mana antaranya boleh dilaksanakan oleh Jabatan Penerangan seperti aktiviti kenegaraan melalui program Debat Kenegaraan, Pengisahan Kenegaraan, Pameran Kenegaraan dan lain-lain, melalui program Kumpulan Fokus seperti Komuniti BESTARI, Kelab Setia, Pusat Maklumat Rakyat dan program yang berkaitan dengan media, penerbitan, I-Akhbar (wall newspaper) dan lain-lain program.

Pusat Media IHPE 2008

Jabatan Penerangan seperti lazimnya terlibat lagi mengendalikan Pusat Media bagi acara-acara peringkat nasional dan antrabangsa.

Kali ini Jabatan Penerangan telah dijemput oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bagi mengendalikan Pusat Media Ekspo Produk Halal Antarabangsa 2008 (International Halal Product Expo 2008 – IHPE) yang bertempat di Pusat Persidangan Antrabangsa, Berakas.

Beberapa orang pegawai dan kakitangan dari jabatan ini telah pun ditugaskan di pusat media berkenaan yang beroperasi dari jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam bermula dari 14 hingga 17 Ogos.

Antara peranan pusat media tersebut ialah bagi mengeluarkan sebarang notis/pengumuman dan siaran akhbar yang berkaitan dengan ekspo berkenaan kepada pihak media. Selain itu pusat media juga membantu bagi mengendalikan sebarang sidang akhbar dan *press interview* bersama para peniaga yang terlibat di ekspo berkenaan.



Dayang Hajah Noorashidah dan Awang Haji Dayang ketika memberikan taklimat kepada para perwakilan media yang terlibat membuat liputan sepanjang ekspo berlangsung.

MRO bertugas di bulan Ogos

Beberapa orang Pegawai Penyelaras Media (MRO) dari Jabatan Penerangan teah ditugaskan di majlis-majlis tertentu sepanjang bulan Ogos. Acara-acara tersebut ialah seperti berikut:

Tarikh	Acara
2 Ogos	Sambutan Hari Belia Kebangsaan
7 Ogos	Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia keluar negara
14 Ogos	Majlis Ekspo Produk Halal Antarabangsa 2008
24 Ogos	Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia keluar negara
30 Ogos	Majlis Penganugerahan Biasiswa 'Sultan's Scholar' Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Pemenang Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2008 – 2009



'Menjunjung Ziarah' memenangi Kategori Pegawai dan Kakitangan oleh Dayang Jennifer Mok Thai Geok.



'Fireworks Extravaganza' oleh Awang Abdul Kadir bin Mohd. Tahir yang memenangi Kategori Jurugambar.

Dengan tema 'Suasana Perayaan (62nd Sultan Birthday Celebration)', Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2008 – 2009 diteruskan lagi bagi bulan Julai yang penyertaannya dibukakan mulai 15 Julai – 15 Ogos.

Gambar 'Fireworks Extravaganza' oleh Awang Abdul Kadir bin Mohd. Tahir telah memenangkannya bagi Kategori Jurugambar, manakala Dayang Jennifer Mok Thai Geok telah memenangi peraduan tersebut bagi Kategori Pegawai dan Kakitangan melalui gambar 'Menjunjung Ziarah'.

Tema Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2008 – 2009 bagi bulan Ogos ialah 'Close-Up' yang dibukakan penyertaannya mulai 15 Ogos - 15 September.

Penempatan Latihan Kerja Sementara

Dayang Nur Faezah binti Haji Mohd. Aus, mahasiswi tahun akhir jurusan 'BA Communications (Media)' di Cardiff University, United Kingdom telah menjalani penempatan latihan kerja sementara di Jabatan Penerangan pada 2 hingga 16 Ogos.


Dayang Nur Faezah telah diataskan mengikuti latihan penempatan kerja di Bahagian Perhubungan Awam, Berita Inggeris & Media IT dan Bahagian Penerbitan, Laporan Tahunan dan Tugas Khas.

Sementara itu, Awang Haji Abdul Khalid bin Zainuddin sedang menjalani latihan penempatan kerja sementara di bawah Program Penempatan Kerja Pelatih Pusat Pembangunan Belia di Cawangan Jabatan Penerangan Daerah Belait bermula pada bulan Februari hingga Oktober tahun ini.

Ucapan Tahniah

Semua pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan mengucapkan tahniah kepada Dayang Norlia binti Md. Zain yang melangsungkan perkahwinan pada 10 Ogos bersama pasangannya, Awangku Saifol bin Pengiran Saki.

Tahniah



Semua pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan mengucapkan tahniah kepada Yang Mulia Awang Haji Mahrub bin Haji Murni, Pemangku Pengarah Penerangan di atas penetapan jawatan beliau menjadi Pengarah Penerangan.

Selamat Hari Lahir

Awang Bazlan bin Haji Besar	1 Ogos
Awang Haji Masrin bin Baharin	1 Ogos
Awang Ali bin Mat	2 Ogos
Awang Md. Hatral Hazmi bin Abdul Hamid	2 Ogos
Dayang Hajah Marhani binti Haji Abdul Rahman	3 Ogos
Dayang Norsiah binti Haji Umar	3 Ogos
Dayang Aisah binti Haji Tengah	4 Ogos
Awang Yahya bin Haji Putra	5 Ogos
Awang Bolhassan bin Haji Abu Bakar	6 Ogos
Awang Haji Kamaran bin Haji Bungsu	9 Ogos
Awang Haji Hassan bin Haji Mudin	10 Ogos
Awang Saipol Bahrin bin Abdul Rahman	10 Ogos
Awang Jamil bin Haji Salleh	14 Ogos
Dayang Azmah bin Haji Ahad	14 Ogos
Dayang Ruziah binti Haji Zakaria	14 Ogos
Pengiran Arsul bin Pengiran Haji Abdul Momin	15 Ogos
Awang Asrin bin Mohd. Nor	15 Ogos
Dayang Hafizatul Atikah binti Abdullah	15 Ogos
Ampuan Mohd. Daud bin Ampuan Tengah	16 Ogos
Awang Abu Bakar bin Haji Duraman	17 Ogos
Awang Abdul Razak bin Gani	22 Ogos
Awang Safri bin Haji Talib	26 Ogos
Dayang Norlia binti Mohd. Zain	27 Ogos
Dayang Zubaidah binti Haji Salat	28 Ogos

Pegawai yang bersara



Awang Ali bin Mat
Jawatan: Pegawai Luar Penerangan
Cuti sebelum bersara: 22 Mei 2008 -
1 Ogos 2008
Tarikh bersara: 2 Ogos 2008